



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"MA'AL HIJRAH; PERANCANGAN MASA HADAPAN"

6 Ogos 2021 / 27 Zulhijah 1442

الْحَمْدُ لِلَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ¹ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُوكُمْ أَتَقْوَى اللَّهَ وَلَتَنْظُرَ نَفْسُكُمْ مَا قَدَّمْتُمْ لِغَدِيرٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ

(Surah Al-Hashr ayat 18)²

بِمَا تَعْمَلُونَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan Nya dan meninggalkan larangan Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan Nya akan segala yang kamu kerjakan.

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِنُكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ³ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dimuliakan,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan mentaati perintah Nya, menjauhi larangan Nya, dan senantiasa khusyuk mengingati Nya supaya kita termasuk dalam golongan hamba Nya yang bersabar ketika ditimpa ujian dan bersyukur ketika dikurniakan nikmat. Mudah-mudahan hidup kita sejahtera di dunia dan di akhirat, amin ya Rabbal 'alamin. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk, "**Ma'al Hijrah; Perancangan Masa Hadapan**"

Begitu pantas masa berlalu, tahun 1442 Hijrah bakal melabuhkan tirai. Tiga hari lagi, ketika tenggelamnya matahari di ufuk barat, pada petang Isnin 30 Zulhijah, bersamaan 9 Ogos, kita akan melangkah masuk ke bulan Muharam, detik permulaan tahun baharu 1443

¹ Memuji Allah

² Ayat Al-Quran

³ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁴ Pesan Taqwa



Hijrah.

Kehidupan ini secara hakikatnya ialah satu pengembalaan, bermula daripada alam roh dan akan berakhir di alam akhirat. Menurut Imam Abdullah Al-Haddad dalam kitabnya As-Sabil, ada lima fasa pengembalaan yang ditempuh oleh manusia:

Pertama, Alam roh.

Kedua, Alam dunia.

Ketiga, Alam barzakh.

Keempat, Perhitungan di Padang Mahsyar

Kelima, Alam akhirat yang kekal abadi, sama ada ditempatkan di dalam syurga atau dilemparkan ke dalam neraka, wal 'iyazu billah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Ketika berada pada waktu-waktu terakhir tahun 1442 Hijrah, kita hendaklah memperingatkan diri bahawa dalam melalui pengembalaan hidup di dunia ini, kita akan terus berhijrah dan bermusafir. Bukan sekadar berhijrah secara fizikal dari tempat ke tempat; yang lebih penting ialah berhijrah daripada kemunduran kepada kemajuan, berhijrah daripada kegelapan kepada kecerahan, berhijrah daripada alam kejahilan kepada alam ilmu. Sepanjang pengembalaan hidup, umat hendaklah berhijrah bukan sahaja secara zahir, malah turut melakukan penghijrahan sikap dan penghijrahan minda, membawa diri daripada keadaan buruk kepada keadaan baik, malah terus berhijrah daripada keadaan baik kepada keadaan yang lebih baik. Sabda Rasulullah SAW:

كُنْ فِي الدُّنْيَا كَمَّا كُنْتَ أَوْ عَابِرٌ سَيِّلٌ

Bermaksud: Jadikanlah diri mu di dunia ini sebagai musafir atau orang yang dalam perjalanan. (Riwayat Al-Bukhari 6416)

Lazimnya, ketika memandang ke hadapan sewaktu melakukan pengembalaan, kita juga akan menoleh ke belakang. Memandang ke hadapan untuk melihat berapa jauh lagi pengembalaan yang masih berbaki sebelum sampai ke destinasi; menoleh ke belakang untuk mengimbas pengembalaan yang sudah ditempuhi. Dalam pengembalaan hidup ini, kita tidak tahu talian hayat yang masih berbaki, sebelum kita sampai ke destinasi terakhir. Berkemungkinan Jumaat ini ialah Jumaat terakhir kita berpeluang bersolat Jumaat; berkemungkinan ini Zulhijah terakhir dalam pengembalaan hidup kita, berkemungkinan



tahun 1442 Hijrah merupakan tahun Hijrah terakhir dalam hayat kita, kerana setiap hari yang berlalu, kita berada semakin hampir dengan garis penamat pengembalaan hidup di dunia ini. Dengan kesedaran tersebut, amatlah penting untuk kita melakukan perancangan dan persiapan sebaik dan secukupnya sebelum sampai ke garis penamat pengembalaan dunia ini. Dalam kehidupan seorang pesawah, dia tahu tempoh waktu yang dia wajib selesaikan kerja-kerja menuai padi yang masak, seorang guru wajib menghabiskan sukanan pelajaran mengikut takwim peperiksaan yang ditetapkan, di kilang, ditetapkan tempoh waktu penghasilan sesuatu produk, dan di pejabat kita ditetapkan waktu untuk menyudahkan sesuatu tugas. Insan yang berjaya di dunia, ialah insan yang mematuhi disiplin kerja, berjaya disempurnakan menurut jadual dan masa yang ditetapkan. Semangat dan disiplin kerja yang mencipta kejayaan sewaktu kita menyiapkan kerja-kerja duniawi, hendaklah diamalkan dalam menyiapkan bekalan untuk berhijrah ke alam barzakh, untuk menghadapi hari pertimbangan atau perhitungan di Padang Mahsyar, dan untuk ditempatkan di alam akhirat. Pada setiap ketika jangan kita menjadi alpa daripada menunaikan tuntutan dan perintah Ilahi.

Ingatlah, tanggungjawab utama seorang anak Adam yang telah diciptakan oleh Ilahi ialah untuk menyempurnakan amanah dan beribadat kepada Allah SWT. Begitu juga melakukan amal soleh dan kebajikan untuk manfaat diri, keluarga, Islam dan umatnya, serta makhluk lain.

Segala kegiatan di dunia ini hendaklah dijawi nilai akidah dan syariat dengan niat untuk menjunjung perintah Allah SWT. Mudah-mudahan segala tugas yang kita sempurnakan dan setiap kerja yang kita lakukan, diterima Ilahi sebagai amal makruf yang boleh menjadi bekalan ketika kita berhijrah ke alam barzakh, ketika kita diadili di Padang Mahsyar dan ketika kita ditempatkan di alam akhirat. Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah, ayat 197:

وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الْزَادِ التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونَ يَكُفُلُ الْأَلَبِ

Bermaksud: Dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya, kerana sesungguhnya sebaik-baik bekalan adalah takwa, dan bertawakkallah kepada Ku wahai orang-orang yang berakal.

Pepatah Arab mengatakan:

الدُّنْيَا مَرْعَةُ الْآخِرَةِ



Maksudnya: Dunia ini sebagai ladang untuk bercucuk tanam (tempat melakukan amal ibadat dan amal kebajikan), sedangkan hasilnya bakal dipetik di akhirat nanti.

Kaum Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Sebelum berakhirnya tahun Hijrah 1442, marilah kita lakukan muhasabah diri, bertanya diri, akan kealpaan perbuatan hingga kita tergelincir melakukan dosa, lalu segera bertaubat dan berazam untuk meninggalkan perbuatan-perbuatan mungkar yang mengingkari perintah Allah dan seruan Rasulullah SAW. Lakukan muhasabah diri, kemudian memohon maaf akan kesalahan dan dosa yang telah kita lakukan sama ada disedari atau tidak sedari sesama insan, baik berbentuk mencuri, menipu, mengumpat atau memfitnah; sementara kita pula berusaha sedaya upaya untuk melangsakan hutang, memulangkan pinjaman dan memaafkan kesalahan orang lain, agar urusan timbangam amal kita di Padang Mahsyar tidak tertangguh dan dapat disegerakan. Semoga Allah SWT melimpahkan rahmat, taufik dan hidayah kepada kita dalam menempuh setiap fasa kehidupan yang kita jalani ini.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ
لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ، مِلْءَ السَّمَاوَاتِ وَمِلْءَ الْأَرْضِ، وَمِلْءَ مَا بَيْنَهُما
وَمِلْءَ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁶ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا
كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita istiqamah berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Wal Jamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama makhluk.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa



Imarahkanlah rumah Allah SWT dengan terus-menerus mengerjakan ibadah dan solat fardu secara berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتٍ عَلَيْهِ وَسَلَامٌ^۸
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيٍّ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمُ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
 وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ^۹، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنَهُمْ وَأَلْفِ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ
 وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا فِي رُوْسَ
 الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمَحْنَ، وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ
 سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةً.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Jauhilah kami daripada seksa dan azab api neraka.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ
 فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَانَ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
 وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
 نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa untuk Kaum Muslimin